

Persepsi Pelajar Pra-Siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Terhadap Golongan Pekak Dewasa
(*Perception Towards Deaf Adults Among the Students from Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*)

NUR AMIRAH BT HARON, QUAR TIAN KAR & AKMALIZA BT ALI*

ABSTRAK

Anggapan dan stigma masyarakat dimana individu pekak mempunyai banyak kelemahan berbanding individu yang mempunyai pendengaran normal telah mewujudkan sikap negatif seperti diskriminasi dan penganiayaan terhadap golongan pekak ini. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji persepsi mahasiswa prasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terhadap golongan pekak dewasa serta mengenalpasti faktor yang mempengaruhi persepsi mereka. Persepsi antara pelajar berbeza jurusan dan kaum telah dibandingkan, dan kesan pengetahuan dan pengalaman dengan golongan pekak ke atas persepsi telah diukur. Kajian rentas ini menggunakan soal selidik yang melibatkan seramai 126 pelajar pra-siswazah UKM Kampus Bangi dan Kuala Lumpur yang direkrut melalui kaedah persampelan mudah. Dapatan kajian menunjukkan persepsi mahasiswa UKM secara keseluruhannya adalah positif. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara pelajar yang berbeza kaum, berbeza jurusan dan yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman terhadap golongan pekak dewasa dengan yang tiada ($z = 4.513, p < 0.05$). Implikasi kajian dan cadangan untuk kajian lanjutan dibincangkan dengan harapan kajian seumpama ini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap golongan pekak supaya budaya ketidaksamarataan ke atas golongan ini dapat ditangani.

Kata Kunci: Persepsi; pekak; masalah pendengaran

ABSTRACT

The impression and stigma towards deaf people having a lot of weaknesses when compared with normal hearing people has created negative attitudes such as discrimination and persecution in our society. The research objective is to investigate the perception of undergraduates from Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) towards deaf adults and to identify factors that influence their perceptions. The perception scores between students from different courses and ethnic groups were compared, and the impact of knowledge and exposure towards deaf adults on the perception scores were examined. This cross-sectional study involved 126 undergraduate students from UKM Bangi and Kuala Lumpur Campus, recruited using a convenience sampling technique. The result shows that the overall perception of UKM undergraduates is positive. However, there is a significant difference in perception between students from different ethnic groups, courses and who have knowledge and exposure about hearing loss and students who do not ($z = 4.513, p < 0.05$). The implication of this research and improvement for future research were discussed so that it can help to mitigate the culture of inequality towards deaf adults in our society.

Keywords : Perception; deaf; hearing problems

PENGENALAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengklasifikasikan Orang Kurang Upaya (OKU) kepada tujuh kategori dan salah satu daripadanya ialah kurang upaya pendengaran (Jaafar, 2014). Buletin perangkaan sosial Malaysia pada tahun 2018 telah melaporkan seramai 453,258 OKU telah berdaftar di JKJ pada tahun 2017 dan sebanyak 7.6% daripada mereka tergolong di bawah kategori cacat pendengaran. Menurut Tin (2014), 16.1 % rakyat Malaysia berumur antara 18 hingga 55 tahun yang mempunyai masalah pendengaran manakala 63% adalah golongan berumur 56 tahun ke atas yang mempunyai masalah pendengaran. Terdapat peningkatan bilangan penduduk di Malaysia yang berumur di antara 35 hingga 45 tahun yang mempunyai masalah pendengaran berpunca daripada aktiviti harian mereka (Jamaludin, 2019). Menurut British Society of Audiology (2018), masalah pendengaran boleh dibahagikan kepada empat tahap iaitu ringan (21-40 dB), sederhana (41-70 dB), teruk (71-90 dB) dan sangat teruk (91 dB ke atas).

Tormudzi (2012) telah mendefinisikan masalah pendengaran tahap sangat teruk sebagai masalah yang dihadapi seseorang individu sehingga tidak mampu memproses maklumat linguistik menerusi pendengaran sama ada dengan memakai alat amplifikasi atau tidak yang akan menyebabkan proses pertuturan terganggu. Pendengaran sangat teruk juga dikenali sebagai pekak atau tuli (Tin, 2014). Manakala World Health Organization (2020) menyatakan maksud golongan pekak ialah golongan yang mempunyai tahap pendengaran sangat teruk yang mendengar dengan sangat sedikit atau tiada pendengaran secara keseluruhan, di mana kebanyakan daripada mereka menggunakan bahasa isyarat untuk berkomunikasi. Pekak boleh berpunca daripada banyak faktor termasuk keturunan, kemalangan, penyakit, dadah dan terdedah kepada bunyi bising. Ia seringkali dianggap oleh orang yang mempunyai pendengaran normal sebagai satu kecacatan yang sangat teruk (Dugan, 2003).

Sikap negatif terhadap individu kurang upaya telah lama wujud dan masih kekal sehingga hari ini (Bossaert et. al, 2011; Khubulava, 2017; Asghar et. al, 2020). Sikap masyarakat terhadap golongan pekak berbeza daripada sikap terhadap golongan kurang upaya yang lain (Carruth et. al, 2007; Manchaiah et. al, 2015). Menurut Bauman (2004), sikap negatif lahir daripada kepercayaan masyarakat dan tingkah laku yang menganggap individu pekak mempunyai banyak kelemahan berbanding individu yang tidak mempunyai masalah pendengaran. Kepercayaan ini

dikenali sebagai audisme yang didasari oleh beberapa ciri, iaitu (i) idea bahawa kelebihan berasal dari kemampuan untuk mendengar atau dari bertindak seperti orang yang mendengar; (ii) kelebihan sistem masyarakat berdasarkan kemampuan pendengaran; dan (iii) orientasi yang menghubungkan identiti manusia dengan pertuturan.

Pelbagai pihak samada di dalam atau luar negara berkecenderungan untuk mendiskriminasi dan menganiayai golongan OKU (Tah, 2014). Bagi individu pekak, sikap negatif orang ramai terhadap mereka akan mempengaruhi kesihatan sosial dan perkembangan emosi, integrasi sosial, akademik dan kejayaan dalam kerjaya masing-masing. Sebagai contoh, golongan OKU pendengaran masih tidak mendapat peluang dan hak yang sama rata berbanding golongan tidak bermasalah pendengaran dalam kehidupan seharian. Antara isu yang sering dihadapi oleh OKU pendengaran ialah peluang latihan vokasional, aspek ekonomi disebabkan peluang pekerjaan yang terhad dan aspek sosial seperti kehidupan bermasyarakat (Sairi, 2017).

Menurut Din (2019), golongan OKU menghadapi kesukaran untuk berjaya dalam kalangan masyarakat kerana kurangnya pengetahuan dan sikap ambil peduli oleh masyarakat. Pandangan ini adalah seiring dengan Gagné dan Jennings (2011) yang menyatakan stereotaip yang negatif terhadap golongan OKU pendengaran dapat dikurangkan dengan adanya pengetahuan bersesuaian untuk masyarakat umum berkenaan keupayaan golongan pekak. Ini bermakna, semakin banyak maklumat yang diperolehi oleh masyarakat terhadap OKU maka semakin positif sikap mereka terhadap OKU yang seterusnya akan membawa masyarakat untuk menerima golongan OKU secara baik (Din, 2019).

Pelaksanaan Dasar Pendidikan Inklusif OKU di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah dilaksanakan pada tahun 2019 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertujuan menghapuskan pengasingan pelajar OKU daripada pelajar-pelajar lain dan telah diwajibkan kepada 20 universiti awam. Walaubagaimanapun, jika sikap prejudis terhadap pelajar-pelajar OKU termasuk sikap kurang sensitif, tidak bertimbang rasa dan kurang empati ini dibiarkan berterusan, ia boleh membawa kepada diskriminasi dan menjadi punca kegagalan proses pembelajaran inklusif di IPTA (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Sikap dan persepsi pelajar universiti terhadap golongan pekak telah dikaji dalam beberapa kajian lepas. Kajian yang dilakukan oleh Hyde (2009) di Universiti Queensland terhadap pelajar yang mempunyai masalah pendengaran telah merungkaikan bahawa terdapat responden yang mengalami kesukaran

dalam pergaulan sosial dan interaksi akademik dengan sebilangan besar rakan sebaya yang mempunyai pendengaran normal. Järkestig Berggren (2016) telah melaporkan ketidaksempurnaan terhadap pelajar kurang upaya melalui satu kajian yang telah dilakukannya di pusat pengajian tinggi di tiga buah negara iaitu Sweden, Republik Czech dan Amerika Syarikat. Menurut Toran (2009), terdapat universiti yang dikritik kerana kekurangan kemudahan dan sistem sokongan kepada golongan pekak semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), termasuk kekurangan sumber penterjemah bahasa isyarat’.

Walaubagaimanapun, kajian yang mengkaji persepsi pelajar universiti terhadap golongan pekak masih terhad. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi pelajar di UKM terhadap golongan pekak dan untuk mengetahui samada faktor pengetahuan dan pengalaman serta faktor kaum mahasiswa UKM mempunyai pengaruh ke atas persepsi dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana, kajian yang dilakukan oleh Hung (2006) telah menunjukkan pengetahuan terhadap sikap dan tanggapan terhadap individu pekak menyumbang kepada kefahaman dan interaksi positif antara individu yang mempunyai pendengaran normal dan pekak, manakala kaum yang berbeza pula mempunyai pendapat dan pengamalan yang berbeza dalam menghadapi sesuatu penyakit (Azmi, 1997).

METODOLOGI

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada pelajar prasiswazah yang menuntut di UKM Kampus Bangi dan Kuala Lumpur. Jenis persampelan yang digunakan adalah teknik persampelan mudah di mana kadar untuk mendapat subjek adalah lebih mudah dan lebih cepat berbanding teknik persampelan yang lain.

Peralatan Kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang mengandungi dua bahagian, iaitu (i) Bahagian A, dan (ii) Bahagian B. Bahagian A terdiri daripada soalan berkenaan maklumat demografi subjek dan soalan berkaitan pengetahuan serta pengalaman mahasiswa terhadap golongan pekak. Bahagian B pula terdiri daripada soalan-soalan berkenaan persepsi mahasiswa terhadap golongan pekak. Soalan dalam bahagian ini diambil daripada “The Opinions About Deaf People Scale” (ODP) yang dikembangkan oleh Berkay,

Gardner, dan Smith (1995) (Lampiran A). Item dalam soal selidik asal terdiri daripada ayat yang pendek dengan bahasa yang ringkas dan mudah untuk difahami. Oleh yang demikian, borang ini diagihkan dalam bahasa asal iaitu dalam Bahasa Inggeris dan tidak diterjemah ke dalam bahasa Melayu.

Borang kaji selidik ODP (Bahagian B dalam Lampiran A) digunakan untuk mengenalpasti sikap atau persepsi terhadap keupayaan golongan dewasa pekak. Borang soal selidik ini mengandungi 20 item, iaitu 10 item positif dan 10 item negatif yang diletakkan secara rawak. Item tersebut dinilai dari skala 1 hingga 4. Bagi item positif, skala 1 menandakan responden sangat setuju, skala 2 setuju, skala 3 tidak setuju dan skala 4 sangat tidak setuju. Bagi item negatif, skala 4 menandakan responden sangat setuju, skala 3 setuju, skala 2 tidak setuju dan skala 1 sangat tidak setuju. Persetujuan terhadap kenyataan negatif atau tiada persetujuan terhadap kenyataan positif menunjukkan sikap negatif terhadap golongan dewasa pekak. Skor yang rendah (i.e., di bawah 40) melambangkan sikap positif manakala skor tertinggi (i.e., 40 ke atas) menunjukkan sikap negatif. Skor yang semakin kurang menunjukkan persepsi yang semakin positif terhadap keupayaan golongan pekak, manakala skor yang semakin meningkat menunjukkan persepsi yang semakin negatif terhadap keupayaan golongan pekak (Berkay, Gardner, dan Smith, 1995).

Bahagian A dalam borang kaji selidik (Lampiran A) adalah borang yang mengandungi enam soalan berkaitan pengetahuan dan pendedahan dengan golongan pekak. Pelajar yang menjawab dengan jawapan ‘ya’ pada mana-mana soalan dikira mempunyai pengetahuan dan pendedahan.

Prosedur Kajian

Soal selidik kajian disebarkan kepada para pelajar secara atas talian dengan menggunakan akses *Google Form*. Kajian ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan UKM dengan rujukan UKM PP1/111/8/JEP-2021-350.

Analisa Data

Data yang dikumpul dianalisa menggunakan ujian statistik melalui program komputer iaitu *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 24. Ujian analisis U-Mann Whitney digunakan untuk melihat perbezaan persepsi pelajar berdasarkan jurusan pengajian yang berbeza dan juga perbandingan pelajar yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman terhadap golongan pekak dengan mereka yang tiada

pengetahuan dan pengalaman terhadap golongan pekak. Untuk mengukur perbezaan persepsi pelajar berdasarkan kaum, ujian Kruskal Wallis digunakan. Ujian lanjutan Spearman's Rho digunakan untuk melihat hubungan antara pengetahuan dan pengalaman terhadap persepsi pelajar.

DAPATAN KAJIAN

Maklumat demografi


Seramai 126 mahasiswa prasiswa UKM dari Kampus Bangi dan Kuala Lumpur telah menjawab soal selidik ini. Daripada jumlah tersebut, 106 orang responden adalah pelajar perempuan (84.1%) dan 20 orang adalah pelajar lelaki (15.9%). Manakala, untuk pecahan tahun pengajian, 23 orang daripadanya adalah mahasiswa tahun 1 (18.3%), 41 orang mahasiswa tahun 2 (32.5%), 33 orang mahasiswa tahun 3 (26.2%) dan seramai 29 orang (23.0%) adalah mahasiswa tahun 4.

Bagi pecahan pelajar mengikut jurusan, 63 orang adalah pelajar Audiologi (49.2%) dan 63

responden yang lain adalah pelajar bukan jurusan Audiologi, di mana jurusan Biomedik ($n=20$; 15.6%), Fizik dan Farmasi masing-masing dengan 10 orang pelajar (7.8%), Pemakanan ($n=7$; 5.5%), Kejuruteraan Kimia dan Syariah masing-masing dengan 5 orang pelajar (3.9%), Pergigian dan Kesihatan Persekitaran, masing-masing dengan 2 orang pelajar (1.6%), dan TESL dan Optometri masing-masing dengan seorang pelajar (0.8%). Bagi kaum pula, seramai 94 responden adalah Melayu (73.4%), 19 responden daripada kaum Cina (14.8%) dan 13 responden daripada kaum India (10.2%).

Persepsi Pelajar Terhadap Golongan Pekak

Rajah 1 menunjukkan majoriti (83.3%; $n=105$) daripada responden mendapat skor kurang daripada 40. Semakin rendah nilai skor yang diperolehi oleh responden, semakin positif persepsi responden. Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden mempunyai persepsi yang positif terhadap golongan pekak.



RAJAH 1. Skor persepsi mahasiswa UKM terhadap golongan pekak

Perbandingan Skor Persepsi Pelajar Berbeza Jurusan Pengajian

Untuk perbandingan skor persepsi antara pelajar jurusan Audiologi dan bukan Audiologi, kedua-dua kumpulan mempunyai persepsi yang positif terhadap golongan cacat pendengaran. Namun, ujian analisis U-Mann Whitney menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam skor persepsi antara dua kumpulan pelajar tersebut dengan nilai ($z = -8.65$ $p < 0.05$) di mana pelajar jurusan Audiologi menunjukkan persepsi yang lebih positif berbanding pelajar bukan jurusan Audiologi.

Pengetahuan dan Pendedahan Terhadap Golongan Pekak

Daripada soal selidik, di dapati semua pelajar Audiologi mempunyai pengetahuan dan pendedahan dengan golongan pekak. Bagi pelajar bukan Audiologi pula, seramai 52 orang mempunyai pengetahuan dan pengalaman, manakala 11 orang tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman. Jadual 2 menunjukkan bilangan jawapan yang ada dan tiada pengetahuan dan pengalaman terhadap golongan pekak.

JADUAL 2. Pengetahuan dan Pengalaman Terhadap Golongan Pekak

Kumpulan	Soalan	Jawapan (n)	
		Yes	No
Audiologi	Do you have any family member/s who has/have hearing loss or who are deaf?	0	63
	Have you ever had friends with hearing loss?	3	60
	Have you ever had friends or family members studying audiology course?	63	0
	Have you ever joined any hearing awareness programme/campaign/workshop?	40	23
	Have you taken any course/s that have taught you about hearing loss/hearing aids?	63	0
	Have you ever been exposed to the topics related with hearing loss? (social media)	50	13
Bukan Audiologi	Do you have any family member/s who has/have hearing loss or who are deaf?	1	62
	Have you ever had friends or family members studying audiology course?	15	48
	Have you ever joined any hearing awareness programme/campaign/workshop?	2	61
	Have you taken any course/s that have taught you about hearing loss/hearing aids?	3	60
	Have you ever been exposed to the topics related with hearing loss? (social media)	52	11

Kesan Pengetahuan dan Pendedahan ke atas Persepsi Terhadap Golongan Pekak

Pelajar yang mempunyai pengetahuan dan pendedahan mendapat purata skor persepsi sebanyak 58.97 manakala yang tiada pendedahan mendapat sebanyak 110.91. Ujian U Mann Whitney menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor persepsi pelajar yang ada pengetahuan dan pendedahan dengan yang tiada ($z = 4.51, p < 0.05$), iaitu purata skor persepsi pelajar yang ada pendedahan adalah rendah berbanding yang tiada pendedahan. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai pengetahuan dan pendedahan mempunyai persepsi yang lebih positif terhadap golongan cacat pendengaran.

Ujian Spearman's Rho pula digunakan untuk melihat hubungan antara pengetahuan dan pendedahan dengan persepsi. Nilai pekali korelasi ($r = + 0.404, p < 0.05$) menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif tahap sederhana antara kedua-dua pemboleh ubah ini. Hubungan positif membawa maksud semakin tinggi pengetahuan dan pendedahan, semakin positif persepsi.

Perbandingan Skor Persepsi Antara Kaum

Ujian lanjutan bagi melihat perbezaan persepsi antara kaum diuji dengan menggunakan ujian analisis Kruskal Wallis. Terdapat perbezaan skor persepsi yang signifikan antara kaum iaitu $p < .005$. Walau bagaimanapun, perbezaan skor persepsi antara kaum adalah kecil di mana pelajar Melayu mendapat skor antara 21-50, India mendapat skor antara 21-46 dan Cina mendapat skor antara 21- 43.

PERBINCANGAN

Hasil kajian ini menunjukkan pelajar UKM secara keseluruhannya mempunyai persepsi yang positif terhadap golongan pekak dewasa dan terdapat perbezaan persepsi antara pelajar jurusan yang berlainan. Pelajar Audiologi mempunyai persepsi yang lebih positif berbanding pelajar bukan Audiologi dan pelajar yang mempunyai pengetahuan dan pendedahan dengan golongan pekak mempunyai persepsi yang lebih positif berbanding pelajar yang tiada pendedahan. Semakin tinggi pengetahuan dan pendedahan, semakin positif persepsi dan hal ini mengukuhkan lagi perhubungan antara persepsi dengan pengetahuan dan pendedahan pelajar.

Pelajar yang mengambil jurusan Audiologi mengikuti pengajian yang melibatkan sains

pendengaran dan juga kesihatan pesakit yang berkaitan dengan pendengaran. Pengajian adalah secara teori dan praktikal yang mana setiap pembelajaran di kelas akan dipraktikkan ketika menjalani latihan klinikal yang memerlukan pelajar bertemu dengan pelbagai latar belakang pesakit. Sejarah kes pesakit, ujian pendengaran, diagnosis, penggunaan teknologi pendengaran seperti alat bantu dengar, sesi kaunseling dan rehabilitasi aural dijalankan sepanjang sesi latihan klinikal. Manakala pelajar bukan Audiologi dalam kajian ini yang mendapat pendedahan mengenai golongan pekak juga menunjukkan persepsi positif terhadap golongan pekak. Dapatan kajian ini menunjukkan mahasiswa UKM yang mempunyai pengetahuan berkenaan masalah pendengaran serta pernah mempunyai pendedahan terhadap golongan pekak mempunyai persepsi yang lebih positif terhadap golongan pekak berbanding pelajar yang tiada pengetahuan dan tidak pernah didedahkan dengan golongan pekak.

Pengetahuan, sikap, jumlah kontak dengan golongan pekak dan tanggapan terhadap individu pekak menyumbang kepada kefahaman dan interaksi positif antara individu yang mempunyai pendengaran normal dan pekak (Cooper, 2003; Coryell, 1992; Hung 2006; Velonaki, 2015). Pendapat seperti ini adalah sangat bertepatan dengan kajian-kajian lepas yang pernah dilaksanakan. Contohnya, satu kajian telah dibuat oleh Smith (1991) mengenai kursus satu hari kesedaran terhadap kurang upaya pendengaran (pekak) dan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar perubatan tahun empat. Kursus ini telah menambah pengetahuan dan membuka kesedaran terhadap isu pekak dalam kalangan pelajar perubatan. Selain itu, University College of London (UCL) juga telah melancarkan kursus atas talian untuk para profesional kesihatan untuk membolehkan pemahaman yang lebih baik mengenai keperluan komunikasi pesakit pekak dan bermasalah pendengaran dan menawarkan strategi praktikal bagi menambahbaik perkhidmatan terhadap golongan tersebut (United Kingdom Council on Deafness, 2019). Akhir sekali, kajian yang dilakukan oleh Zahn dan Kelly (1995) pula mendapati sikap subjek berubah dari neutral kepada positif selepas mendapat pendedahan kepada keupayaan golongan pekak dalam bekerja.

Analisa lanjutan juga dibuat bagi melihat persepsi antara kaum. Kajian lepas telah melaporkan etnik yang berbeza mempunyai pendapat dan pengamalan yang berbeza dalam menghadapi sesuatu penyakit. Sebanyak 57% OKU dilayan dengan buruk disebabkan kurang upaya dalam kumpulan etnik masing-masing dalam satu kajian yang dijalankan (Azmi, 1997). Walaupun analisa yang dibuat menggunakan

ujian statistik kruskal wallis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kaum dalam kajian semasa ini, keputusan ini perlu diinterpretasi dengan mengambil kira bilangan pelajar daripada setiap kaum yang tidak seimbang. Selain daripada itu, jika dilihat dari nilai skor, perbezaan antara kaum adalah kecil.

LIMITASI KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa limitasi yang diharapkan dapat diperbaiki untuk kajian akan datang. Antara limitasi tersebut adalah bilangan subjek yang tidak seimbang. Contohnya, 50% daripada subjek kajian adalah pelajar jurusan Audiologi yang mempunyai pengetahuan berkenaan pendengaran dan telah mendapat pendedahan berkenaan keupayaan golongan pekak. Ketidak seimbangan bilangan responden daripada jurusan lain berbanding jurusan Audiologi ini mungkin mempengaruhi skor persepsi yang dianalisa di dalam kajian ini. Ini adalah kerana ketika pengkaji menyebarkan soal selidik, tidak semua pelajar bukan jurusan Audiologi dapat dicapai kerana borang soal selidik yang diberikan kepada wakil kelas kemungkinan tidak disampaikan kepada semua pelajar. Oleh itu, untuk kajian yang akan datang, pengkaji disarankan agar menyampaikan borang soal selidik dengan menggunakan kemudahan e-mel siswa supaya kajian ini dapat diwar-warkan kepada semua pelajar.

Bilangan pelajar Melayu juga adalah tertinggi berbanding Cina dan India menyebabkan pengkaji tidak dapat menyatakan keputusan yang memuaskan untuk melihat perbezaan persepsi antara tiga kaum tersebut. Bagi mengelakkan masalah ini pada masa akan datang, teknik persampelan mudah yang digunakan perlu ditukar dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan untuk mencapai keseimbangan daripada segi bilangan kaum. Jadi, teknik persampelan ini akan mengambil kira bilangan setiap kaum.

Selain itu, borang soal selidik ini secara keseluruhannya, merangkumi soalan-soalan pengetahuan dan pendedahan yang dibentuk berdasarkan kepada pendapat penyelidik sendiri dan tidak melalui proses validasi. Borang ini agak ringkas dan mungkin tidak dapat mencerminkan pengetahuan dan pendedahan yang secukupnya untuk keputusan kajian ini di gunapakai keatas populasi kajian yang lain. Oleh itu dicadangkan untuk kajian yang akan datang agar mencari sumber rujukan untuk soalan pengetahuan dan pendedahan serta perlu divalidasi terlebih dahulu.

Seterusnya, di dalam kajian ini, kemungkinan wujudnya *social desirability bias* dalam kalangan pelajar. Hal ini mungkin berlaku disebabkan kajian ini

yang menggunakan laporan sendiri subjek. Bias ini bermaksud, subjek mempunyai kecenderungan untuk memberikan jawapan yang mereka rasakan selari dengan nilai-nilai yang diterima oleh masyarakat demi mengelakkan kritikan daripada masyarakat (King, 2000). Bias ini juga berlaku kerana subjek mungkin mahu menjaga imej mereka (Johnson, 2002). Hal ini sering berlaku dalam kalangan pelajar yang merasakan mereka sepatutnya menjawab dengan positif bagi mengelakkan sebarang kritikan yang mengatakan mereka tidak mempunyai nilai yang baik sebagai seorang mahasiswa. Langkah seperti memasukkan pernyataan “Tiada jawapan betul atau salah” di dalam arahan telah diambil untuk memastikan supaya kesan *bias* tersebut adalah minima. Walau bagaimanapun, perakuan supaya pelajar menjawab dengan jujur juga boleh dimasukkan di dalam arahan untuk kajian soal selidik yang akan datang.

KAJIAN LANJUTAN

Seperti dinyatakan dalam limitasi kajian, sebahagian besar daripada subjek kajian adalah terdiri daripada pelajar kaum Melayu dan pelajar jurusan Audiologi. Untuk kajian masa depan, disarankan untuk menambah bilangan subjek daripada etnik lain dan juga pelajar daripada jurusan lain. Selain itu, kajian seumpama boleh dilakukan ke atas pelajar dari institusi lain (cth. kolej swasta) atau diperingkat sekolah (cth. sekolah menengah) untuk mengetahui persepsi pelajar dengan lebih menyeluruh.

KESIMPULAN

Kajian menunjukkan pelajar UKM mempunyai persepsi positif terhadap golongan pekak dewasa. Persepsi antara pelajar juga berbeza berdasarkan pengetahuan dan pendedahan mereka terhadap golongan pekak. Kajian ini juga menunjukkan pengetahuan dan pendedahan adalah faktor yang menyumbang kepada pembentukan persepsi yang positif dalam kalangan pelajar. Walaupun persepsi pelajar adalah positif, program kesedaran dan pendedahan masih perlu giat disebar dalam kalangan pelajar dan juga masyarakat umum terutama bagi mereka yang tidak terlibat dalam bidang pengajian kesihatan. Hal ini adalah penting bagi mengukuhkan lagi kefahaman masyarakat umum terhadap golongan OKU secara amnya dan golongan OKU pendengaran di Malaysia secara khususnya untuk mengelakkan berlaku sikap diskriminasi dan prejudis terhadap golongan pekak ini.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan ditujukan kepada pihak penulis borang kaji selidik ODP kerana memberi keizinan untuk menggunakan borang tersebut dalam kajian ini. Terima kasih kepada pelajar pra-siswazah UKM tahun 1 hingga tahun 4 dari Kampus Bangi dan Kuala Lumpur atas kerjasama menjawab borang kaji selidik.

RUJUKAN

- Asghar, S., Torrens, G.E., & Harland, R. 2020. Cultural influences on perception of disability and disabled people: a comparison of opinions from students in the United Kingdom (UK) Pakistan (PAK) about a generic wheelchair using a semantic differential scale. *Disability and Rehabilitation: Assistive Technology*, 15(3): 292-304.
- Azmi, S., Hatton, C., Emerson, E. and Caine, A., 1997. Listening to adolescents and adults with intellectual disabilities from South Asian communities. *Journal of applied research in intellectual disabilities*, 10(3), pp.250-263.
- Bauman, H.-D. L. 2004. Audism: Exploring the Metaphysics of Oppression. *The Journal of Deaf Studies and Deaf Education* 9(2): 239-246.
- Berkay, P.J., Gardner, J.E. and Smith, P.L., 1995. The development of the opinions about deaf people scale: A scale to measure hearing adults' beliefs about the capabilities of deaf adults. *Educational and Psychological Measurement*, 55(1), pp.105-114.
- Bossaert, G., Colpin, H., Pijl, S. J., & Petry, K. 2011. The attitudes of Belgian adolescents towards peers with disabilities. *Research in Developmental Disabilities*, 32(2): 504-509.
- British Society of Audiology. (2018). *Pure tone air and bone conduction threshold audiometry with and without masking*. Di akses daripada <https://www.thebsa.org.uk/resources/pure-tone-air-bone-conduction-threshold-audiometry-without-masking/> pada 23 Mei 2022.
- Carruth A, Robert A.E, Hurley A, Currie P.S. 2007. The Impact of Hearing Impairment, Perceptions and Attitudes about Hearing Loss, and Noise Exposure Risk Patterns on Hearing Handicap among Farm Family Members. *American Association of Occupational Health Nurses*. 55(6):227-234.
- Cooper, A. E., Rose, J., & Mason, O., 2003. Mental Health Professionals' Attitudes Towards People Who Are Deaf. *Journal of community & applied social psychology* 13(4): 314-319.
- Coryell, J., Holcomb, T.K. & Scherer, M., 1992. Attitudes toward deafness: A collegiate perspective. *American Annals of the Deaf*, pp.299-302.
- Din, N., Nasirudin, M., Talib, H. & Ibrahim, S. Z., 2019. Kolaborasi Interaksi Masyarakat Terhadap Golongan Kurang Upaya Di Institusi Masjid. *Jurnal of social sciences and humanities*, 16(2): 1-9.
- Dugan, M. B. 2003. *Living with Hearing Loss*. Gallaudet University Press.
- Gagné, J-P, Southall, K, Jennings, M.B. 2011. Stigma and Self-stigma Associated with Acquired Hearing Loss in Adults. *Hearing Review*. 18(8):16-22.
- Hung, H. L., and Paul, P.V., 2006. Inclusion of students who are deaf or hard of hearing: Secondary school hearing students' perspectives. *Deafness & Education International*, 8(2), pp.62-74.
- Hyde, M., Punch, R., Power, D., Hartley, J., Neale, J. & Brennan, L., 2009. The experiences of deaf and hard of hearing students at a Queensland University: 1985–2005. *Higher Education Research & Development*, 28(1), pp.85-98.
- Jaafar, H. J., Abdul Wahab, H. & Yaacob, N. 2014. Hak Bekerja Orang Kurang Upaya: Satu Tinjauan Undang-Undang Di Malaysia.
- Jamaludin, S.H. 2019. *Dua juta rakyat malaysia ada masalah pendengaran: astroAWANI*.
- Järkestig Berggren, U., Rowan, D., Bergbäck, E. and Blomberg, B., 2016. Disabled students' experiences of higher education in Sweden, the Czech Republic, and the United States—a comparative institutional analysis. *Disability & Society*, 31(3), pp.339-356.
- Johnson, T. P., Fendrich, M. & Hubbell, A. 2002. A Validation of the Crowne-Marlowe Social Desirability Scale. *57th Annual meeting of the american association for public opinion research*, hlm. 1661-1666.
- Kementerian Pendidikan Malaysia 2019. Garis panduan pelaksanaan dasar inklusif orang kurang upaya di Institusi Pendidikan Tinggi. Di akses di <https://www.moe.gov.my/pekeliling/2785-garis-panduan-pelaksanaan-dasar-inklusif-oku-di-ipt/> file pada 4 April 2022.
- Khubulava G.G. 2017. Disabled child and the society: Relationships and socialization. *Pediatric Traumatology, Orthopaedics and Reconstructive Surgery*. 5(3): 66-73
- Kiger, G., 1997. The structure of attitudes toward persons who are deaf: Emotions, values, and stereotypes. *The Journal of psychology*, 131(5), pp.554-560.
- King, M.F. and Bruner, G.C., 2000. Social desirability bias: A neglected aspect of validity testing. *Psychology & Marketing*, 17(2), pp.79-103.
- Manchaiah, V., Danermark, B., Ahmadi, T., Tomé, D., Zhao, F., Li, Q., Krishna, R., & Germundsson, P. 2015. Social representation of "hearing loss": cross-cultural exploratory study in India, Iran, Portugal, and the UK. *Clinical interventions in aging*, 10, 1857–1872.
- Sairi, N. A. 2017. Persepsi Industri Hospitaliti Terhadap Golongan Pekerja Berkeperluan Khas (Masalah Pendengaran). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Smith, M.C.A. and Hasnip, J.H., 1991. The lessons of deafness: deafness awareness and communication skills training with medical students. *Medical education*, 25(4), pp.319-321.

- Tah, I. H. M. 2014. Orang Kurang Upaya (Oku) Dan Hak Untuk Hidup: Satu Analisis Perundangan Di Malaysia.
- Tin, C.S. 2014. *Kecacatan pendengaran: MyHEALTH*.
- Toran, H., Yasin, M.H.M., Tahar, M.M. and Sujak, N., 2009. Sokongan dan halangan yang dihadapi pelajar-pelajar kurang upaya di sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 1(2), pp.18-29.
- Tormudzi, I.N., 2012. *Kebolehpasaran graduan bermasalah pendengaran Bidang Hospitaliti dalam industri hospitaliti di Malaysia* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- UK Council on Deafness. 2019. Deaf Awareness Week.
- Velonaki, V.S., Kampouroglou, G., Velonaki, M., Dimakopoulou, K., Sourtzi, P. and Kalokerinou, A., 2015. Nurses' knowledge, attitudes and behavior toward Deaf patients. *Disability and health journal*, 8(1), pp.109-117.
- WHO. 2020. Deafness and hearing loss: World Health Organization. Di akses di <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/deafness-and-hearing-loss> pada 31 Mac 2022.
- Zahn, S.B. and Kelly, L.J., 1995. Changing attitudes about the employability of the deaf and hard of hearing. *American Annals of the Deaf*, 140(5), pp.381-385.

Nur Amirah Bt Haron, Quar Tian Kar & Akmaliza Bt Ali*
 Program Audiologi, Pusat Kajian Rehabilitasi dan Keperluan Khas,
 Fakulti Sains Kesihatan,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: akmalizaali@ukm.edu.my

Diserahkan: 13 April 2022
 Diterima: 14 April 2022